

22 APR 2001

Najib-Umno

CADANGAN GOLONGAN KAYA TIDAK BOLEH BERTANDING PERLU DIHALUSI

SUBANG JAYA, 22 April (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata cadangan untuk tidak membenarkan golongan terlalu kaya bertanding merebut jawatan penting dalam parti perlu diperhalusi dan dibincangkan lebih mendalam oleh Majlis Tertinggi (MT) Umno.

Katanya langkah itu perlu dibuat bagi memperjelaskan tafsiran berhubung perkara itu supaya jika dilaksanakan kelak, ia tidak akan menimbulkan sebarang masalah.

"Saya percaya cadangan yang dibuat presiden parti (dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) adalah hasil daripada kebimbangan beliau tentang keadaan dalam parti lebih-lebih lagi politik wang yang berleluasa," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Subang di sini, hari ini.

"Bagaimanapun, cadangan itu perlu dihalusi lagi kerana tafsirannya mungkin berbeza dan mungkin kompleks, terutamanya sekali macam mana nak mendefinisikan orang yang kaya itu dan perlu ada justifikasi yang perlu dibincang dalam mesyuarat Majlis Tertinggi," katanya.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata masalah politik wang bukan sahaja akan merosakkan kredibiliti dan imej parti tetapi juga akan menyekat kemaraan dan kemunculan golongan pemimpin berwibawa dan mempunyai kemampuan untuk memimpin.

"Apa yang dimaksudkan ialah supaya kalau kita merupakan ahli politik, pemimpin yang serius, maka kita tumpu pada parti. Kalau hasrat kita ialah untuk jadi ahli korporat, maka kita tidak wajar merebut jawatan dalam parti tetapi boleh menyumbang pada parti dengan cara tidak terlibat dalam proses pertandingan dalam parti," katanya.

Dr Mahathir dilaporkan sebagai berkata di Jitra semalam bahawa cadangan itu adalah untuk menentukan mereka yang terlalu kaya tidak menabur wang semata-mata untuk mendapat sokongan supaya dipilih menjadi pemimpin.

Najib berkata cadangan Perdana Menteri itu bertujuan memberi penekanan terhadap perjuangan Umno yang sebenar bahawa tujuan berpolitik dan memegang jawatan dalam parti bukanlah batu loncatan untuk meraih kekayaan.

Pada pemilihan Umno Bahagian Subang, Datuk Mohd Mokhtar Ahmad Dahalan mengekalkan jawatan ketua bahagian apabila menang tanpa bertanding manakala timbalan ketua bahagian Yahaya Bujang juga menang tanpa bertanding.

Muhammad Bushro Mat Johor turut menang tanpa bertanding untuk jawatan naib ketua bahagian manakala Datin Paduka Seripah Noli Syed Hussin mengekalkan jawatan ketua Pergerakan Wanita bahagian dengan menang tanpa bertanding sementara Abdullah Mat menang bagi jawatan Ketua Pemuda.

Di KLANG, Ketua Penerangan Umno Datuk Mustapa Mohamed menyambut baik cadangan itu dan berkata kaedah pelaksanaan cadangan itu perlu dihalusi dan diteliti.

Beliau berkata cadangan Dr Mahathir itu bertujuan memelihara imej pemimpin dan parti bagi mengelak daripada imej bahawa pemimpin Umno hanya terdiri daripada golongan yang amat kaya.

"Satu gejala baru dalam parti (sudah timbul) di mana satu imej diletak pada pemimpin (dimana) mereka terdiri daripada golongan yang amat kaya," kata Mustapa selepas merasmikan mesyuarat Umno bahagian Klang di sini.

Mustapa berkata saranan Perdana Menteri juga bertujuan mengelak daripada sebahagian golongan dalam Umno mengambil pandangan bahawa menjadi pemimpin adalah "passport" kepada kekayaan.

Katanya, ia satu gejala yang boleh merosakkan parti kerana keinginan

itu boleh menjurus kepada anggota Umno menjadi pemimpin untuk kepentingan peribadi bukan perjuangan luhur untuk parti, orang Melayu dan masyarakat.

"Kalau imej kita (Umno) rosak jika adanya politik wang, oleh kerana pemimpin terlalu kaya, maka rakyat akan lari daripada kita," katanya.

Mustapa berkata cadangan itu adalah satu pembaharuan yang ditunggu-tunggu oleh anggota Umno di peringkat akar umbi, sementara di peringkat lebih tinggi, beliau percaya ia akan diterima baik oleh anggota MT.

"Mungkin ada orang yang tidak dapat menerimanya. Ia satu pembaharuan dan satu kejutan kepada beberapa orang tapi kita nak menyelamatkan parti jadi ahli mesti melihat ini sebagai satu usaha untuk menyelamatkan parti," kata Mustapa.

Di JASIN, Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata cadangan itu adalah langkah baik untuk mengukuhkan parti.

Beliau berkata anggota parti yang kaya yang bertanding dengan menggunakan kekuatan sumber kewangan akan mengganggu kelicinan parti dan membawa masalah besar.

"Saya lihat ada ada trend begitu (gunakan wang untuk bertanding) yang kadang kala tidak munasabah kerana kadang-kadang mereka gunakan wang terlalu banyak, " katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Jasin, di Dewan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM).

Beliau yang juga Ketua Badan Perhubungan Umno Melaka berkata penglibatan mereka dalam parti akan menyukarkan golongan seperti pegawai atau guru biasa dan juga ketua-ketua kampung yang tidak mempunyai duit untuk menduduki jawatan dalam parti, walaupun mereka telah lama berkhidmat.

Mohd Ali berkata penakrifan kekayaan seseorang itu boleh dibincangkan secara umum untuk mencari pemikiran baru termasuk sama ada membenarkan golongan kaya yang telah lama berjuang untuk parti dibenarkan bertanding.

Di IPOH, Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali pula berkata Umno memerlukan segenap lapisan masyarakat untuk berjuang dalam parti itu jika ingin mencapai kejayaan.

"Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri adalah orang-orang kaya yang menggunakan wang untuk mendapatkan jawatan. Saya rasa ini yang kita tidak mahu tetapi ada juga orang kaya yang tidak menggunakan wang untuk mendapatkan jawatan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis ramah mesra bersama anak-anak yatim dan kanak-kanak istimewa anjuran kelab Lions di kediamannya.

Tajol Rosli yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perak, berkata Umno memerlukan orang miskin, kaya, pandai dan tidak pandai kerana apabila menghadapi pilihanraya, undi dari semua pihak diperlukan.

"Kita sebenarnya tidak mahu wujud dalam UMNO orang yang politik menggunakan kedudukan dan wang untuk mendapatkan tempat dalam parti. Ini yang kita tidak mahu...ada orang yang tidak dikenali menggunakan wang untuk mendapatkan tempat. Jadi saya merasakan bahawa kalau seseorang itu telah berjuang dalam parti dan ditakdirkan dia menjadi kaya tidak semestinya mereka tidak boleh bertanding," katanya.

Di KOTA TINGGI, Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammudin Tun Hussein berkata Umno bukan sahaja perlu menangani masalah politik wang di dalam parti malah membasmi terus budaya politik yang negatif.

Katanya, penyelewangan dan rasuah di dalam Umno bukan sahaja berpunca daripada amalan politik wang, malah daripada budaya rasuah dan surat layang yang diamalkan oleh golongan tertentu untuk kepentingan peribadi.

"Penyelewangan berlaku bukan sahaja dari segi kuasa, tetapi budaya rasuah, surat layang, fitnah-menfitnah, sekat-menyekat dan budaya mengugut juga merupakan budaya politik negatif yang sama beratnya dengan masalah politik wang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Umno Bahagian Tenggara, di sini.

Hishammuddin yang juga Ketua Umno Bahagian Tenggara berkata Umno sebuah parti yang terbuka untuk semua golongan sama ada petani, golongan profesional ataupun mereka yang tidak mampu dari segi kewangan.

Oleh itu, menurut Hishammuddin adalah tidak adil jika golongan tertentu disekat daripada menyertai parti itu kerana mereka yang kaya dan berkemampuan, tidak semestinya akan menggunakan wang untuk merebut jawatan.

Di KUALA LUMPUR, Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP) Senator Datuk M. Kayveas berkata cadangan Dr Mahathir itu harus juga diterima oleh semua parti.

"Nasihat itu harus diterima oleh parti lain juga...PPP pun ada pengalaman...bila ada ahli korporat masuk, dia terus minta jadi Timbalan Presiden dan lepas itu hendak jadi Presiden pula," katanya.

"PPP ada pengalaman selama enam tahun dengan golongan macam ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Seputeh di sini.

-- BERNAMA

SLR NZ MOZ